

23/01/1998

Utamakan pembelian rancangan tempatan: PM

PERDANA Menteri meminta stesen televisyen tempatan mengutamakan pembelian rancangan televisyen tempatan dalam menghadapi kegawatan ekonomi ketika ini. Ini selaras dengan hasrat kerajaan mengawal perbelanjaan dengan mengutamakan eksport.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penayangan rancangan tempatan boleh mengelakkan penonton daripada menyaksikan adegan ganas yang kerap disiarkan dalam rancangan terbitan asing.

"Stesen tempatan sudah tentu perlu mengutamakan terbitan tempatan. Kita boleh mengelak unsur ganas yang kerap dipaparkan dalam rancangan televisyen dari negara luar," katanya.

Beliau bercakap dalam sidang akhbar selepas melawat Studio HVD Entertainment di Cheras, dekat sini, semalam. Turut hadir Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, Pengarah Urusan HVD, Sebastian Foo dan Pengarah Eksekutifnya, Adnan Zakaria.

Mengenai lawatan itu, beliau kagum dengan kemajuan yang telah dicapai oleh HVD, terutama kebolehan mereka mengeksport drama tempatan ke luar negara.

Menurutnya, cerita yang dibuat mempunyai cita rasa tempatan tetapi ia dialih bahasa ke dalam bahasa asing untuk pasaran negara luar, termasuk India dan Iran.

"Ini menunjukkan bahawa cerita daripada negara kita ini boleh diterima oleh orang asing," katanya.

Studio HVD seluas empat hektar itu yang terletak di lereng bukit di Batu 9, Cheras, dibuka Disember tahun lalu.

(END)